

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 50 RABU 16 DISEMBER 1970 1390 رابو 16 شوال PERCHUMA



Duli Pg. Perdana Wazir berangkat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Leftenen Kolenel Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammed Bolkihah telah pulang ka-tanah ayer dari Australia pada hari Isnin.

Yang Teramat Mulia itu telah di-iringi oleh Major Sulaiman bin Awang Damit dan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohamed Taha bin Haji Bakir.

Yang Teramat Mulia tiba di-pekarangan Istana Darul Hana dengan helikopter Askar Melayu Di-Raja dari Kota Kinabalu pada jam 3.30 petang.

Yang Teramat Mulia telah di-sambut oleh antara lain, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa; Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin; Yang Amat Mulia Cheteria2; Pengiran2 dan Pehin2.

Yang Teramat Mulia itu telah mewakili Askar Melayu Di-Raja Brunei di-upacara perbarisan tamat latihan tiga orang pegawai kedet AMDB yang telah menjalani latihan di-Sekolah Pegawai Kedet Portsea di-Australia.

Pengerusi Surohanjaya Pilehan2 Raya, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sedang menzirihi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkihah ketika mengalu2kan keberangkatan tiba Y.T.M. itu di-pekarangan Istana Darul Hana.

BRUNEI AKAN TERUS MENUNTUT LIMBANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid menegaskan lagi bahawa Brunei tidak akan berundur pada mendaawa Kerajaan Pusat Malaysia mengenai tuntutan Brunei terhadap Limbang walau satu perpuluhan inchi sekali pun.

"Brunei akan menyusol dan menuntut Limbang yang Brunei berhak di-atas Limbang sa-hingga dapat dengan beralaskan pada menuntut Limbang dari segi Ugama sa-hingga dapat dengan izin Tohan," tegas Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia menyabdakan kenyataan itu ia-lah bagi mengulas sa-buah renchana yang tersiar dalam majalah Mastika keluaran bulan Nobember, 1970 mengenai dengan tuntutan Brunei ka-atas Limbang. Ulasan Yang Amat Mulia itu telah di-siarkan melalui Radio Brunei malam tadi.

Yang Amat Mulia itu menegaskan bahawa tuntutan berasaskan Ugama yang Brunei berhak di-atas Limbang, soal negeri di-bawah naungan atau di-bawah jajahan atau merdeka sebutan nama tidak timbul, tuntutan ini adalah mengenai hak Brunei ia-itu Limbang.

Brunei sekali2 tidak izin yang hak-nya ia-itu Limbang menjadi satu kawasan di-bawah jajahan Kerajaan Pusat Malaysia yang menderita.

Mengenai tuntutan itu, Yang Amat Mulia itu menegaskan sa-terus-nya bahawa Brunei akan meneruskan tuntutan-nya itu dengan berasas Ugama Islam dan terpulang-lah kepada Kerajaan Pusat Malaysia untuk menimbang-kan-nya atau apa jua jenis langkah Kerajaan

(Lihat Muka 8)

J/K Penasihat ranchangan makan sekolah2 di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengumumkan perlantikan lima orang pegawai2 kerajaan termasuk sa-orang pehin untuk menjadi ahli jawatankuasa penasihat mengenai ranchangan permakanan sekolah2 Negeri Brunei.

Perlantikan itu telah di-umumkan melalui surat keliling Setia

Usaha Kerajaan yang di-keluarkan baru2 ini.

Mereka itu ia-lah Awang Hussain bin Pehin O.K. Di-Gadong Dato Seri Utama Awang Haji Md. Yusof selaku pengerusi jawatankuasa itu dan Awang Kasim bin Daud selaku Setiausaha.

Tiga Orang ahli yang lain dalam jawatankuasa itu ia-lah terdiri dari Dr. Hussain bin Daud, Awang Chua Kong Seng dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Awang Haji Musa bin Hitam.

(Lihat muka 8)

Peraduan Tarian Adai2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak lapan buah sekolah rendah di-Daerah Brunei-Muara akan mengambil bahagian dalam peraduan Tarian Adai2 sekolah2 Melayu di-Dewan Pusat Belia.

Peraduan tersebut di-anjurkan oleh Sekolah2 Melayu Brunei Satu dan akan di-adakan pada hari Sabtu 19 Disember ini mulai jam 7.30 malam.

Lain2 achara yang di-persembahkan pada malam itu ia-lah nyanyian ramai Adai-Adai dan persembahan tarian Adai2 dari persatuan2 Belia2.

Orang ramai ada-lah di-persilakan menyaksikan persembahan pada malam itu.

134 orang murid menerima hadiah dari Minyak Shell

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 134 orang murid dari 59 buah sekolah di-Daerah Brunei-Muara telah menerima hadiah dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Majlis penyampaian hadiah yang berupa satu set pen telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan pada pagi hari Isnin lepas.

St. Michael sandang johan lumba bernang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato' Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes telah merasmikan Lumba Bernang antara sekolah2 di-Kolam Bernang Berakas pada hari Ahad lepas.

Perlumbaan yang di-anjorkan buat pertama kali-nya oleh Jabatan Pelajaran itu ada-lah sa-bahagian dari projek tahunan jabatan itu.

Sa-ramai 62 orang peserta termasuk 10 orang perempuan dari lapan buah sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam 25 jenis acara perlumbaan.

Penyusun Pendidikan Jasmani Awang Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar dalam ucapan-nya di-temasha itu telah mengharapkan supaya Kerajaan akan dapat membena kolam2 bernang di-semua sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini pada masa akan datang.

Berikut ia-lah keputusan peraduan itu. Johan di-menangi oleh Sekolah St. Michael Seria, Naib Johan Sekolah St. Andrew Bandar Seri Begawan dan tempat ketiga Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid di-akhir perlawanan itu.

Balek ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 69 orang penuntut Brunei akan berlepas ka-Singapura awal bulan hadapan, sa-telah berchuti di-tanah ayer.

Tiga puluh empat dari mereka akan berlepas pada 2 Januari dan tiga puluh lima lain-nya pada 3 Januari.

Penuntut2 tersebut akan menyambung pelajaran mereka di-sekolah2 menengah aliran Melayu dan Inggeris, dan pre-universiti.

Hadiah itu telah di-berikan oleh Sharikat Minyak pada tiap2 tahun kepada murid2 yang terbaik sekali dalam sekolah masing2 di-negeri ini.

Awang G.C. Harper, sa-bagai wakil Sharikat Minyak dalam ucapan-nya sa-belum menyampaikan hadiah2 itu telah menegaskan bahawa Sharikat Minyak Shell juga turut memandang berat terhadap masaalah pelajaran anak2 tempatan di-negeri ini.

Beliau berkata Sharikat itu telah memainkan peranan yang besar dan telah mengeluarkan dermasiswa kepada anak2 tempatan untuk melanjutkan pelajaran tinggi di-seberang laut.

Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Hussain bin Mohammad Yusof, sa-bagai wakil Jabatan Pelajaran dalam ucapan-nya telah mengucapkan terima kasih kepada sharikat itu.

Beliau mengharapkan supaya sharikat itu akan terus mengamalkan bantuan2 yang serupa untuk menambahkan lagi kemajuan pelajaran persekolahan di-Brunei.

Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim, Pemangku Guru Besar Sekolah Melayu Puser Ulak, juga turut berucap dalam majlis tersebut.

Gambar paling atas menunjukkan Dayang Siti Hani binte Abdul Latif dari Sekolah Melayu Pintu Malim dan gambar bawah Dayang Surayati binte Ahmad dari Sekolah Melayu Puser Ulak sedang menerima hadiah yang berupa satu set pen Parker dari wakil Sharikat Minyak, Awang G.C. Harper dalam satu majlis penyampaian hadiah2 tersebut di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lepas.



40 orang rekrut berkursus di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 40 rekrut Pulis Di-Raja Brunei telah berlepas ka-

Singapura dengan kapal laut M.V. Auby pada hari Sabtu lepas dalam perjalanan mereka ka-Malaysia Barat untuk menjalani kursus asas pulis, di-Pusat Latihan Pulis di-Kuala Lumpur.

Mereka di-sertai oleh dua orang jurulatih, Sergeant Joseph Yong dan Sergeant Mohamed bin Damit.

Rekrut2 dan jurulatih2 pulis itu akan berada di-luar negeri selama enam bulan. Mereka akan mempelajari peraturan pulis, berkawat dan lain2 tugas pulis.

Sa-belum berlepas ka-Malaysia Barat, rekrut2 itu telah menghadiri kursus singkat di-Pusat Latihan Pulis, Jalan Muara.

Gambar kiri menunjukkan sa-bahagian dari rekrut pulis itu sa-belum mereka berlepas ka-Singapura.



UGAMA Islam ada-lah agama yang di-asaskan di-atas persaudaraan dan kasih sayang di-antara satu sama lain. Dan ini-lah rahsia kekuatan umat Islam di-masa lampau. Pada hari ini nampak-nya umat Islam tidak sa-bagai-mana yang sa-patut-nya, kerana pada hari ini kita tahu bahawa sa-bilangan umat Islam telah berlipat kali ganda jika di-bandingkan dengan bilangan umat Islam di-masa lampau. Di-antara sebab2 ia-lah kasih sayang di-antara kita sesama kita tidak berapa kuat, dan perpaduan juga tidak begitu erat, sedangkan perkara ini-lah yang maha penting di-dalam menghadapi satu2 chabaran di-dunia ini.

Apa-kah chara yang boleh menguatkan umat Islam dan memupok rasa kasih sayang itu? Ini ada di-terangkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith yang bermaksud:

"Bahawa jika kamu amal-kan memberi salam tatkala berjumpa di-antara satu sama lain neschaya kamu akan merasa kasih sayang".

Dan dalam sa-buah hadith yang lain pula tatkala Rasulullah di-tanya, maka Rasulullah menjawab dengan sabda-nya yang bermaksud:

"Amalan yang baik itu ia-lah menjamu makan dan memberi salam pada orang yang engkau kenal atau tidak kenal".

Dari maksud hadith2 yang tersunting di-atas dapat-lah kita fahamkan bahawa Rasulullah telah menunjukkan kita suatu jalan untuk berkash sayang yang di-kehendaki oleh Islam dengan menguatkan lagi tali persaudaraan dalam agama yang tidak memilih bangsa atau kedudukan sa-seorang itu.

Salam yang di-maksudkan di-dalam hadith itu ia-lah kata2 tatkala bertemu sama ada di-jalan, di-rumah, sama ada siang atau pun malam sa-

SEBAB2 LONGGAR-NYA PERPADUAN UMAT ISLAM

KHUTBAH JUMA'AT

**"UMAT ISLAM HARI INI TELAH
TIDAK MENGAMALKAN PERASAAN
SALING KASEH SAYANG DAN
PERPADUAN YANG ERAT SAPERTI-
MANA YANG DI-LAKUKAN OLEH
UMAT ISLAM YANG TERKENAL
DENGAN KEKUATAN DI - MASA
LAMPAU"**

perti "Assalamualaikum" dan hendak-lah orang yang kena beri salam itu memberi jawapan yang lebeh baik saperti di-jawab - nya "Waa-alaikum-salam Warahmatullah-hi-wa-barkatuh".

Ini telah di-terangkan oleh Allah Subahanahu-wataala di-dalam Al-Quran Surah An-nisa', ayat 86 yang bermaksud:

"Apabila ada orang memberi hormat (salam) kepada kamu, balas-lah hormat (salam) dengan chara yang lebeh baik atau balas penghormatan itu (sa-rupa dengan penghormatan-nya) sanggoh-nya Tohan itu menghitung sa-suatu".

Pada akhir2 ini, rasa kasih

sayang umat Islam banyak di-asaskan kapada perasaan mutlak dan faedah, tidak banyak di-asas di-atas persaudaraan, oleh itu kita lihat pada dhair-nya umat Islam bersatu, tetapi kita berpechah dan kalah dalam medan perjuangan hidup, dalam bidang pelajaran, ekonomi dan sebagai-nya. Dan umat Islam di-anggap rendah oleh orang yang bukan Islam, kerana mereka tahu umat Islam tidak bersatu dan mudah di-pechah belahkan.

Sa-telah kita mendengar hadith yang di-ingatkan oleh Rasulullah itu, maka mari-lah kita pegang tegoh dan amal-kan menurut panduan ini, muga2 kita mendapat berkat dan dari amalan kita itu nanti akan melahirkan perpaduan yang gagah lagi kukuh supaya umat Islam hidup mulia di-dunia. Amin ya-rabbul alamin.

KURSUS SA-HARI BAGI GURU2 DAN PEGAWAI2 UGAMA

KUALA BELAIT. — Satu kursus guru2 Uagama di-Daerah Belait akan di-adakan pada 24 Disember, di-Dewan Mesjid Mohammed Jamalul Alam, Kuala Belait.

Kursus itu hanya di-adakan sa-hari ia-itu dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 5.00 petang.

Pengerusi kursus itu, Awang Abdul Hamid bin Mohammed Daud berkata, di-antara chera-mah2 yang akan di-sampaikan di-kursus itu ia-lah pelajaran agama, pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Uagama, dan hubungan guru2 agama dengan pegawai2 mesjid serta orang ramai.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, di-jangka akan menyampaikan kata2 nasehat, di-akhir kursus itu.

Pengerusi kursus itu menyeru semua guru2 agama di-Daerah itu, supaya menghadiri kursus tersebut.

Satu kursus yang sama juga akan di-adakan di-Madrasah Bandar Seri Begawan pada 26 Disember ini bagi guru2 agama di-daerah2 Brunei-Muara dan Temburong.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri ada-lah di-antara yang akan memberikan cheramah dalam kursus tersebut.

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja akan memberikan cheramah mengenai dengan pentadbiran moden.


Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Dis. 1970 hingga ka-hari Selasa 22 Dis. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
16 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
17 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
18 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
19 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
20 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
21 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
22 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



SA-RAMAI 15 orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan telah mengadakan lawatan ka-Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada minggu lalu. Gambar atas

menunjukkan sa-bahagian dari penuntut2 itu sedang mendengar penerangan Awang Ali bin Rimong, Penguasa Perkhidmatan Bomba mengenai dengan alat2 yang di-gunakan oleh pasukan bomba.



16hb. Disember, 1970.

PERMAKINAN SEKOLAH2

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengumumkan perlantikan jawatankuasa penasihat mengenai rancangan permakinan sekolah2 di-negeri ini.

Rancangan ini telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu, bahkan rancangan itu dapat-lah di-katakan sudah ada dalam tahun lima puluhan. Chuma rancangan itu berjalan dengan tidak chukup teratur, seperti yang ada sekarang ini. Dalam tahun2 itu ada sekolah2 yang menerima makan dan ada pula sa-bahagian-nya hanya di-bekalkan dengan minuman susu. Pindok-nya rancangan ini sudah berjalan sejak lama dulu.

Oleh kerana rancangan ini merupakan perkara yang sudah berumur, maka berbagai2 pengalaman telah di-tempuh oleh orang2 yang berkenaan yang mengendalikan kerja2 itu, khas-nya guru2 yang bertugas dengan penoh tanggung-jawab terhadap kesihatan murid2 dan mengusahakan rancangan itu supaya berjalan dengan teratur dan memuaskan.

Dari pengalaman2 itu, maka timbul fikiran2 yang membena untuk memperbaiki perjalanan atau pelaksanaan rancangan tersebut supaya rancangan itu benar2 sa-imbang dengan apa yang di-perlu dan di-tetapkan.

Rancangan makan ini pada mula-nya di-adakan, antara lain bertujuan untuk membantu murid2 yang tinggal jauh antara rumah dan sekolah2 mereka di-samping membekalkan dengan makanan2 yang mengandungi zat untuk membangun tubuh badan dan kecerdasan otak kanak2 sesuai dengan bidalan yang selalu kita dengar yang berbunyi "otak yang sehat ada-lah dari badan yang sehat".

Oleh yang demikian, maka bekalan untuk bahan2 permakinan ka-sekolah2 ada-lah merupakan perkara yang terpenting untuk di-perhatikan dan tidak harus terkeluar dari apa yang telah di-tetapkan, dan begitu juga dengan peraturan2 yang lain yang di-kehendaki.

Kerajaan telah memberikan kepercayaan kepada pihak2 yang terlibat dalam soal pembekalan bahan2 permakinan ini dengan harapan yang penoh supaya rancangan itu dapat berjalan dengan sebaik2-nya dan mengembirakan dan kerajaan tetap menghargai-nya jika rancangan itu berjalan dengan sempurna dan dapat menyampaikan hajat Kerajaan itu.

Setia Usaha Kerajaan telah menetapkan tugas jawatankuasa itu yang antara lain ia-lah untuk memeriksa, meneliti dan mengkaji kedudukan serta perjalanan rancangan itu dan untuk melaksanakan tugas itu, maka jawatankuasa tersebut akan menjalankan lawatan2, menemu-duga penuntut2 dan pegawai2 yang berkenaan.

Jabatan Pelajaran telah pun di-pinta untuk bekerjasama dengan jawatankuasa tersebut dengan mengarahkan Pengetua2 Sekolah, Nazir2 dan Pengelola Sekolah2 untuk turut hadir dimana saja jawatankuasa itu menemu-duga dari satu masa ka-satu masa.



Jalan masuk ka-kawasan Kebun Hutan.



Jembatan kecil yang menyeberangi anak sungai di-kawasan Kebun Hutan.



Papan2 nama di-sediakan untuk mengenali jenis kayu.

KEBUN HUTAN DI-SUNGAI LIANG

KERAJAAN telah membuka langkah untuk membekalkan penduduk2 negeri ini dengan kemudahan2 untuk mengisikan masa lapang mereka menurut kegemaran masing2, terutama-nya pada tiap2 hujung minggu. Untuk yang berminat pergi ka-pantai2, maka beberapa perubahan yang menarik telah berlaku di-Pantai Muara serta pembersihan ka-atas pantai2 yang mendapat kunjungan ramai. Orang ramai yang mempunyai minat dalam lapangan ini telah kerap kali menjalankan usaha2 mereka untuk bekerjasama membersekan-nya. Usaha ini bukan hanya di-lakukan oleh jabatan daerah, tetapi juga oleh persatuan2 belia dan kumpulan orang2 kampung.

Orang ramai tidak semua-nya berminat untuk pergi ka-pantai2 pada sa-tiap hujung minggu, tetapi ada-lah ramai bilangan-nya juga untuk bertemasha di-dalam hutan2 untuk menikmati suasana yang tenang dan menyegarkan sambil menikmati nyanyian burung2 hutan dan keindahan2 yang lain. Kegemaran orang ramai memang mempunyai banyak chabang-nya dan tidak-lah semua kegemaran itu dapat di-penohkan. Mengisikan kegemaran orang ramai, maka terpaksa-lah di-selaraskan dengan iklim negara dan rakyat-nya. Bertemasha di-kebun hutan, misal-nya, ada-lah kegemaran sa-bilangan besar penduduk2 di-negara2 Barat, tetapi kegemaran yang demikian tidak-lah terkecuali dari terdapat di-negara2 Asia khas-nya dari rumpun bangsa Melayu yang memang terkenal dengan kegemaran memburu binatang2 hutan. Tetapi, hari ini kegemaran yang demikian sudah beransur surut di-sebabkan keperluan2 selera sudah semakin banyak. Namun demikian kegemaran bertemasha untuk mendapatkan kesesuaian rasa selalu-nya di-lakukan dengan banyak chara seperti berkilah di-tepi2 pantai, memancing di-laut, berkhemah di-hutan, bertemasha di-tasek Merimbun dan banyak lagi.

Sekarang, Jabatan Kehutanan Brunei telah membuka langkah yang baru untuk membantu menunaikan kehendak2 kegemaran orang ramai itu dengan membuka sa-jumlah 70 ekar tanah di-Sungai Liang untuk di-jadikan

"Arboretum" atau Kebun Hutan. Di-samping tujuan bertemasha di-kawasan Kebun Hutan ini, orang ramai, khas-nya penuntut2 yang berminat dalam lapangan kehutanan akan dapat juga mempelajari akan keadaan kayu2 yang terdapat di-negeri ini dan mengenali nama2-nya sekali.

Kebun Hutan ini letak-nya di-belakang Balai Pemeriksa Barang2 Hutan, Sungai Liang. Untuk masuk ka-tempat ini hendak-lah melalui jalan besar dari Bandar Seri Begawan ka-Seria. Sa-belum sampai ka-Seria kita akan melimpasi Sungai Liang yang letak jalan masuk ka-sana di-sabalah kiri. Kita akan sampai ka-Kebun Hutan ini hanya kira2 200 ela sahaja dari persimpangan jalan besar itu.

Tumuhan2 yang terdapat di-kawasan ini ada-lah terdiri daripada berbagai2 jenis, tetapi yang kebanyakannya ia-lah dari jenis kaum2 Damar. Lain2 jenis juga terdapat di-sana seperti Bintangor, Kedundong, Rengas, Nyatoh, Penarahan, Medang dan lain2-nya.

Dalam kawasan itu terdapat juga kayu2 yang besar seperti Kapur Bukit, Meranti, Seraya, Kempas dan Benchaloi yang berumur di-anggarkan lebeh kurang 200 tahun. Di-samping itu terdapat juga tanaman2 perkebunan dari jenis Pinus dan lain2 pokok yang di-datangkan dari luar negeri.

Banyak kemudahan2 yang telah di-sediakan di-dalam kawasan Kebun Hutan itu untuk kegunaan para pelawat dan pelanchong2 yang datang mengunjongi-nya. Pondok2 kecil telah pun di-dirikan dan tempat membuang sampah sarap di-sediakan. Jam-batan, pintu masuk dan jalan2 baharu telah juga di-bena dan kolam ayer diperbaiki serta di-bersihkan. Sa-lain daripada itu, nama2 pokok telah diterangkan di-dalam Bahasa Melayu dan Latin.

Kebun Hutan ini ada-lah satu contoh "Lowland Dipterocarp Forest" dan bertujuan untuk memelihara hutan ini bagi maksud untuk kegunaan orang2 awam buat mengetahui tentang isi2 hutan yang sebenar-nya; tujuan pengkajian dan penyelidikan; dan kawasan hiburan atau rehat.



Selamat datang ka-Kebun Hutan.



Salah sa-buah pondok yang terdapat dalam kawasan Kebun Hutan.



Kayu2 dalam Kebun Hutan itu terdapat beberapa jenis termasuk jenis Pinus dari luar negeri. (gambar atas dan kiri)



Gambar atas menunjukkan kanak2 mengambil peluang melihat lebih dekat keadaan kereta perisai. Gambar kiri: Sa-orang askar menerangkan mengenai dengan alat perhubungan radio.

Pertunjokkan alat2 kelengkapan AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mempertunjokkan alat2 kelengkapan regiment itu selama dua hari di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat dan Sabtu lepas.

Pertunjokkan itu di-adakan bersempena dengan hari terakhir kempen pengambilan orang2 baru untuk berkhidmat dengan pasokan itu.

Semasa pertunjokkan itu orang ramai telah di-beri peluang untuk menyaksikan sahara dekat semua alat2 kelengkapan yang di-gunakan oleh pasokan itu.

Alat2 yang di-pertunjokkan itu termasuklah alat2 kelengkapan pasokan darat dan udara, berbagai2 jenis pakaian yang di-pakai oleh anggota2 pasokan itu.

Kereta2 perisai dan sa-buah dari helikopter jenis Bell Jet Ranger kepunyaan regiment itu juga di-pertunjokkan kepada orang ramai.

Kereta2 perisai dan helikopter itu ada-lah yang ramai sekali di-kunjongi terutama oleh kanak2 dan mereka di-beri peluang menaiki pesawat2 tersebut.

Kempen pengambilan orang2 baru kali yang ke-23 itu telah di-lancarkan pada 7 Nobember lepas.

Pasokan itu menghendaki orang2 baru untuk berkhidmat sa-bagai pemandu2 helikopter, jurutera2 kapal, kelasi dan jurulatih2 pelajaran.

Rekrut2 dalam pengambil-an yang ke-23 itu akan me-mulakan latihan mereka pada 28 Disember ini.

Mashuarat agong BAHTRAMU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Badan Hadzrah Raja Muda (BAHTRAMU) akan mengadakan mashuarat agong-nya di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat, 8 Januari, 1971 mulai jam 8.00 pagi.

Ahli2 persatuan BAHTRAMU ada-lah di-persilakan had-hir ka-mashuarat tersebut



Sa-bahagian dari alat2 yang di-pertunjokkan pada hari itu.

Penduduk2 Labi akan dapat bekalan ayer tahun depan

LABI. — Pembinaan jalan keluar sa-panjang 1,200 kaki oleh Jabatan Kerja Raya ka-tangki ayer bagi projek beka-lan ayer di-Labi telah selesai.

Sa-orang juruchakap, shari-kat2 Binnie dan Rakan pena-sehat jurutera yang merika projek dan juga yang akan menyelia kerja2 pembinaan bagi pehak kerajaan itu berka-ta, kerja2 persediaan dan ujian pump sedang di-laksana-kan.


Kata-nya, kerja2 pembena-an projek itu akan di-lakukan tidak berapa lama lagi.

Ia-nya meliputi pembinaan tempat pemberseh ayer, pema-sangan paip dan mendirikan sa-buah tangki ayer.

Ayer akan di-sedut dari dua buah telaga yang ada ke-ka-wasan tempat pemberseh ayer yang bahru dan sa-telah itu, ayer akan di-sedut ka-tangki baru melalui paip2 yang ada.

Apabila projek itu siap, da-lam bulan Februari tahun ha-

dapan, penduduk2 di-Labi buat pertama kali-nya akan mendapat bekalan ayer berse-h.



Jawatan-Jawatan Kosong Di-Jabatan Letrik, Brunei

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

(a) PENOLONG JURU PENGUASA (2 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman mengendalikan Gas Turbines yang mempunyai kuasa sa-hingga 11MW dan alat2 tambahan. Mereka hendak-lah juga mengetahui menggunakan berbagai2 jenis L.T. dan H.T. switchgear dalam sa-sebuah Steshen Letrik yang mempunyai kuasa 11KV sa-hingga 66KV dan tahu menggunakan alat2 pelindung bagi switchgear tersebut.

Pemohon2 di-kehendaki bekerja bergilir2 di-bawah arahan Jurutera Penguasa tetapi mungkin akan di-kehendaki menjaga sendiri pekerja2 shift apabila perlu.

Kelayakan teknikal ada-lah di-kehendaki tetapi tidak mustahak.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu, atau sekurang-nya boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dengan cekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2-3 EB 4 — BS660x30-900x30-1050/EB/1080 x30-1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENYAMBONG KEBAL

(1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman membuat semua jenis H.T. dan L.T. straight through joints, Indoor dan Outdoor, terminal joints ka-atas semua jenis transformer dan switchgear. Tambahan kepada itu pemohon2 mesti-lah boleh mengawas pekerja2 kebal dan kerja2 memasang H.T. dan L.T. kebal bawah tanah dan kebal2 atas.

Pemohon2 hendak-lah sa-baik2-nya telah menjalani satu kursus penoh masa di-sa-sebuah Sekolah Pertukangan yang di-iktiraf.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.4 — BS500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II

(1 kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 hendak-lah lulus Form IV Inggeris dan telah menamatkan Form V. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 8 tahun pengalaman dalam kerja2 setor Electrical/Mechanical dalam

sa-sebuah perbadanan yang besar. Hendak-lah tahu menaipi, menjaga buku ledger dan memeriksa barang2 dalam simpanan setor.

Perlu mempunyai pengalaman tentang chara2 menerima dan mengeluarkan barang2 letrik serta menyediakan tanda2-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 — BS270x15-360/EB/380x20-480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(d) PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III

(1 kosong)

Pemohon2 hendak-lah lulus Form II Inggeris atau Darjah VIII Melayu dengan mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Inggeris. Mesti-lah mem-

punyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 setor. Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 menerima dan mengeluarkan barang2 letrik.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — BS200x10-270/EB/280x10-330.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sechara berkontrek, baksis

sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Disember, 1970.

Sa-bagai Penolong Pengajar di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi kekosongan2 yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Penolong Pengajar (Aliran Inggeris) saperti berikut, di-kehendaki dengan seberapa awal yang boleh dalam tahun 1971.

- Kenderaan Bermotor;
- Pemasangan dan Penggunaan Mesin;
- Pemasangan Letrik/Fitting;
- Fabrication/Welding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — BS440x20-660x30-840. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2, Latehan, Pengalaman:

(a) Penolong Pengajar Kenderaan Bermotor.

- Mesti-lah telah menjalani latehan apprenticeship sa-bagai mekanik kenderaan.
- Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sa-telah menamatkan latehan apprenticeship tersebut.
- Mesti-lah lulus peperiksaan2 City and Guilds — No. 168 Motor Vehicle Mechanics' Work Parts I and II atau No. 170 Motor Vehicle Technicians' Work Parts I and II atau Lulus REME. Artificer Vehicle Course.

- Pertimbangan akan di-beri kepada bekas Mekanik Kenderaan Askar (Sargeant regular) dengan kelulusan Sijil Pelajaran Askar — Ilmu Hisab, Lukisan Teknikal dan Sain.

(b) Penolong Pengajar Pemasangan dan Penggunaan Mesin.

- Mesti-lah telah menjalani

latehan apprenticeship sa-bagai Fitter/turned.

- Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam bidang perusahaan sejak menamatkan latehan apprenticeship.

- Mempunyai kelulusan yang di-akui dalam kejuruteraan mekanik atau lulus peperiksaan City and Guilds — No. 193 Mechanical Engineering Craft Practice Parts I and II atau No. 393 Sijil Tahun Pertama dalam Engineering Crafts.

- Pertimbangan akan di-beri kepada bekas Fitter/Turner Askar (Sergeant regular) dengan kelulusan Sijil Pelajaran Askar — Ilmu Hisab, Lukisan Teknikal dan Sains.

(c) Penolong Pengajar Pemasangan Letrik/Fitting.

Pemohon2 mesti-lah telah menjalani latehan apprenticeship atau latehan rasmi dalam Pemasangan Letrik atau Kejuruteraan Letrik/Elektronik dan memperoleh sijil kelayakan yang di-akui dalam bidang tersebut. Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang mempunyai sijil City and Guilds Final dalam perkara2 letrik. Mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Tali-kom boleh juga memohon.

(d) Penolong Pengajar Fabrication/Welding.

Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman dalam bidang perusahaan. Umor sa-baik2-

nya lebeh dari 25 tahun.

Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds: No. 360 Fabrication Engineering Craft Practice Parts I and II atau No. 176 Fabrication of Steelwork Advanced atau No. 323 Welding Craft Practice Part I and II atau No. 74 Welding Advanced atau No. 66 Sheet Metal Work Advanced.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi saorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Disember, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



6 orang pegawai Palang Merah terima pingat perkhidmatan lama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Yang Di-Pertua Persatuan Palang Merah, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia, Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar, Pengiran Haji Mohamed, pada hari Sabtu lalu telah menyampaikan pingat2 perkhidmatan lama kepada enam orang pegawai pertubohan tersebut, di-satu upacara yang berlangsung di-ibu pejabat Palang Merah, di-Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Yang Amat Mulia, Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar dalam ucapan singkat-nya berkata, ke-enam2 orang anggota itu menerima pingat kerana perkhidmatan-nya yang setia dan berharga kepada Persatuan Palang Merah tersebut.

Mereka yang menerima pingat tersebut ialah Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja, Dato Setia Dr. P.I. Franks, Penyelia Jururawat Rumah Sakit Besar, Dayang B. Berthoud, Puan G. Deakin, Awang Foo Seng Kow, Awang S. Palaniandy dan Awang

Chong Teng Fook.

Yang Di-Muliakan Pehin Dato Franks dan Dayang Berthoud menerima pingat perkhidmatan lama enam tahun, sementara yang lain-nya pingat perkhidmatan lama tiga tahun.



Brunei akan terus menuntut Limbang

(Dari Muka 1)

Pusat Malaysia, Brunei bersedia menghadapi-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, telah mensifatkan tuduhan2 yang di-buat oleh Suhaimi Mokhtar itu sa-bagai palsu dan tidak berasas.

Brunei di-katakan menuntut Limbang dengan hasutan British dan tuntutan Brunei terhadap Limbang di-katakan satu tuntutan untuk menchari perselisihan dan kekerohan di-rantau ini.

Di-samping itu, Suhaimi Mokhtar telah juga menggambarkan keadaan Brunei sa-buah negeri yang kecil yang mana pada pendapat-nya senang saja di-telan oleh negeri2 yang besar yang di-sekeliling-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana mengingatkan penulis rencana itu supaya terlebih dahulu mengkaji aspek2 dan menyelidiki latar belakang dan sejarah-nya, tetapi bukan-lah dengan sa-chara agak2 atau dengan membabi buta.

"Keterangan dan kenyataan yang menjadi asas pendapat itu ada-lah sangat di-perlukan. Banyak persoalan yang patut di-kaji sebelum tuduhan yang membabi

buta itu di-hadapkan. Sama ada perkara ini di-sadari oleh penulis itu atau dengan sebab kejahilannya dalam perkara itu — wallahu'alam," sabda Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia itu mengu-langi bahawa kalau di-tinjau dari segi sejarah dengan chara apa jua pun, Limbang ada-lah hak Brunei, kerana daerah itu ada-lah maseh sa-bahagian dari daerah dan ada-lah kepunyaan Brunei.

"Limbang ada-lah tanah rampasan Rajah Sarawak pada tahun masehi 1890 dan Rajah Sarawak menyerahkan kepada British, setelah terbentuk persekutuan Malaysia. Limbang itu dengan sendirinya menjadi tanah rampasan Kerajaan Pusat Malaysia," tegas Yang Amat Mulia itu lagi.

Yang Amat Mulia itu menegaskan lagi bahawa tuntutan Brunei terhadap Limbang termasuk Lawas dan Terusan yang konon-nya dinamakan Bahagian ke-V yang benar2 menjadi tanah rampasan masa ini oleh Kerajaan Pusat Malaysia.

"Menegenai tuduhan Suhaimi Mokhtar di-atas tuntutan Limbang oleh Brunei kepada Kerajaan Pusat Malaysia yang berasaskan Ugama dan menurut hukum2 Ugama itu ada-lah di-permainkan dan di-hasut oleh Kerajaan Pusat Malaysia. Kerajaan Pusat Malaysia bukan sahaja merasmikan Ugama Islam tetapi mengakui Ugama Islam ada-lah Ugama-nya sejati," demikian menurut Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad sedang menyampaikan pingat kepada Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia Awang P. I. Franks.

J/K makanan sekolah2

(Dari muka 1)

Jawatankuasa tersebut akan melaksanakan tugas2 untuk memeriksa, meneliti dan mengkaji kedudukan serta perjalanan rancangan permakanan sekolah2 di-negeri ini.

Untuk melichinkan tugas2 jawatankuasa itu, maka mereka telah di-beri kuasa untuk melawat, memeriksa, menemu-duga penuntut2 dan pegawai2 yang lain yang di-fikirkan oleh jawatankuasa itu boleh memberi bantuan kepada mereka.

Yang Amat Mulia, Pengiran Dipa Negara telah meminta Jabatan Pelajaran supaya memberikan kerjasama yang penuh kepada jawatankuasa itu dengan mengarahkan Pengetua2 Sekolah, Nazir2 dan Pengelola Sekolah2 di-seluruh negeri untuk turut hadir di-mana saja jawatankuasa itu menjalankan tugas menemu-duga dari satu masa ka-satu masa.

Perjumpaan

Pegawai2 Mesjid

PEKAN TUTONG. — Penge-tua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin akan merasmikan perjumpaan jawatankuasa2 dan pegawai2 mesjid Daerah Tutong bertempat di-Dewan Sekolah Ingeris di-Pekan Tutong pada hari Isnin, 28 Disember, 1970.

Perjumpaan itu ada-lah julong2 kali-nya di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Tutong dan di-kelolakan oleh sa-buah jawatankuasa khas yang di-lantik oleh ahli2 jawatankuasa mesjid Daerah Tutong.

Setia Usaha Perjumpaan, Awang Junaidi bin O.K.S.N. Mohd. Safar menyatakan bahawa tujuan pokok perjumpaan itu ia-lah bagi membincangkan beberapa masaalah yang bersangkutan paut dengan perkembangan, kemundoran, kemajuan mesjid2 di-daerah itu.

Beliau menyeru kepada semua Imam2 mesjid di-Daerah Tutong supaya dapat menghantar 10 orang wakil kamajlis pembukaan rasmi itu dan 4 orang wakil tetap dari tiap2 mesjid untuk ikut serta dalam membincangkan kertas kerja yang akan di-hadapkan dalam perjumpaan itu nanti.

Awang Junaidi meminta semua nama wakil dari seluruh mesjid itu supaya dihantar kepada beliau tidak lewat dari 20 Disember.



Dua orang ka-sidang ACWW

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Pertubohan Perkumpulan Wanita Brunei telah berlepas ka-Calcutta pada hari Isnin untuk mewakili Brunei dalam persidangan Pertubohan Wanita Antara Bangsa rengkas-nya ACWW yang akan di-adakan dari 17 hingga 24 Disember.

Mereka itu ia-lah Yang Di-Pertua Pertubohan itu, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman (kiri) dan Setia Usahanya, Dayang Marhani binte Abdul Latif.

Thema bagi persidangan itu ia-lah peranan pertubohan2 sukarela wanita dalam pembangunan negara.